



**MENTERI PENGANGKUTAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**
NO 26, JALAN TUN HUSSEIN,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Ismi, 19 Februari 2018
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN**

Liow: Lembaga Penerbangan Awam Malaysia Bakal Mempertingkat Industri Penerbangan Negara

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperkuuhkan dan mengtransformasikan industri penerbangan negara, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah beralih menjadi sebuah badan berkanun dan akan dikenali sebagai Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) berkuatkuasa pada 19 Februari 2018.

Lembaga yang diletakkan di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan ini akan berfungsi sebagai badan kawal selia dalam aspek keselamatan dan sekuriti bagi industri penerbangan awam negara. Ia juga akan memainkan peranan penting dalam mengekalkan daya saing Malaysia dalam sektor penerbangan di peringkat global.

Sebagai sebuah badan berkanun yang bebas, antara tanggungjawab dan bidang kuasa Suruhanjaya ini termasuk melindungi operasi penerbangan awam di Malaysia, menjalankan pengawasan pengawalseliaan keselamatan penerbangan awam, mengawal selia operasi perkhidmatan dan kemudahan *aerodrome* di Malaysia, menyediakan perkhidmatan navigasi udara di Wilayah Penerbangan (FIR) Kuala Lumpur Kota Kinabalu, menyelaras operasi mencari dan menyelamat (SAR) dan juga

bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab dengan penyiasatan terhadap kemalangan pesawat dan insiden yang serius.

Selain daripada fungsi kawal selia dan pengawasan, CAAM juga akan menggalak, mempromosi, dan mengfasilitasi pembangunan dan peningkatan keupayaan, kemahiran dan perkhidmatan penerbangan awam di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan teknikal dan perundingan yang berkaitan dengan penerbangan awam serta menyediakan pendidikan dan latihan dalam industri tersebut dan menggalakkan penyelidikan dan pembangunan sektor penerbangan awam.

CAAM yang mula berkuatkuasa pada hari ini akan diterajui oleh Y.Bhg. Dato' Sri Azharuddin bin Abdul Rahman selaku Pengurus dan Encik Ahmad Nizar bin Zolfakar selaku Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau akan turut disertai oleh Ahli-ahli lembaga, iaitu:

1. Y.Bhg. Ir. Prof. Dato' Dr. Chuah Hean Teik
2. Y.Bhg. Commander (H) Prof. Datuk Razali Mahfar
3. Kapten Ahmad Ridzwan bin Mohd Salleh
4. Kapten Mohamed Azharuddin bin Osman

Di samping itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pengangkutan dan Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik Badan Berkanun Kementerian Kewangan akan turut memegang jawatan sebagai ahli tetap dalam Lembaga Penerbangan Awam Malaysia ini.

Saya yakin bahawa CAAM akan menyumbang kepada usaha berterusan negara dalam mengukuhkan mutu penerbangan negara serta menangani cabaran sedia ada, bagi memajukan sektor penerbangan Malaysia seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi hab utama industri penerbangan di rantau ini dan di peringkat global.

[TAMAT]